

Gelung Sanggul Cik Nora

Muslim Hanafiah

Ketukan pintu yang berirama menyedarkanku daripada lamunan semasa menghadap skrin komputerku. Rentak ketukannya berterusan. Kemudian, baru terdengar ucap salam yang diberi. Aku sambut salam itu. Aku dapat bayangkan wajah senyuman lebar tuan punya suara tersebut. “Mana mak kau, Idah?” terus sahaja ditanya Cik Nora tatkala aku membuka pintu. Tanpa diundang, Cik Nora terus melangkah masuk. Sudah menjadi kebiasaan mak cik separuh umur ini buat begitu. Selalu sahaja sarat membawa beg sandang dan beg menyerupai guni beras yang penuh berisi. Dikendongnya seorang kanak-kanak kecil berumur lebih kurang setahun. Anak keduanya. Kedua-dua anaknya lelaki. Tersangkut beg guni yang besar itu ketika dia melangkah masuk tadi. Bergegar pintu besi rumahku. Aku mendengus. Hendak sahaja aku marah mak cik yang seorang ini kerana masuk tanpa diundang. Tetapi aku merelakan sahaja kerana saban kali Cik Nora datang, begitulah gelagatnya. Kalau tidak ketukannya yang membingitkan, mulutnya pula yang tidak akan berhenti bercakap.

Belum pun Emak keluar dari biliknya, Cik Nora sudah memunggah barangan yang dibawa dalam beg besar itu. Sambil duduk bersila, Cik Nora membetulkan gelung sanggulnya yang hampir terburai itu. Selalunya, dia akan mengirai rambutnya dahulu sebelum dia membuat pintalan amat mahir. Sekali pintal, dia dapat membuat sanggul yang kemas dan rapi sebelum dicucuk dengan tusuk sanggulnya. Pernah aku lihat tusuk sanggul yang Cik Nora cucuk pada sanggulnya berbentuk bunga dan berbatu kilau-kilauan. Kadang-kadang, sudah tiada batunya. Hari ini aku lihat dia gunakan sebatang pensel kontot sahaja. Patutlah asyik terburai saja gelung sanggul Cik Nora. Geli hati aku melihat gelagat Cik Nora.

Begitulah aku perhatikan setiap kali dia duduk di lantai, gelung sanggulnya dibetulkan dahulu. Pantas dia bergerak ke ruang tamu. Anak lelakinya itu diletakkan di sofa. Senyap sahaja si kecil sambil menghisap puting benyeknya itu. Anak pertamanya kadang-kadang mengikutnya. Apabila ditanya sama ada dia sekolah atau tidak, dia akan menggelengkan kepalanya sambil tersenyum. Aku perhatikan sahaja. Agak bising juga bunyi bungkus-bungkus plastik yang dikeluarkan Cik Nora. Seseekali, Cik Nora

membetulkan gelung sanggulnya. Aku tahu Cik Nora memang menjaga perawakannya. Aku dapat mengagak yang dia memang tidak seperti apa yang aku lihat hari ini. Mataku melingkas melihat barang-barang yang dikirai Cik Nora. Dalam hati hendak juga tahu apa yang dibawanya. “Barang ni kalau tak beli, rugi. Cik bawa terus dari kilang ni! Kau pasti suka warna ini. Nah, tengok yang ni!” Dicampaknya sebungkus kepadaku. Belum sempat kukelip mata, bungkusan itu sudah pun mendarat ke dadaku. Mujur aku bukan jenis yang cepat melatah macam Cik Nora. Pernah juga aku buat dia terperanjat sehingga melatah. Susah juga hendak berhenti latahnya. Cantik juga warna kain yang Cik Nora campak tadi. Seolah-olah tahu akan kata hati aku, Cik Nora merampas semula bungkusan kain itu daripada tanganku dan terus membukanya. Dikoyakkan plastik pembungkus lantas dikibas-kibas kain itu. Hujung kain kibasan itu mengenai cermin mata aku. Terpelanting cermin mata aku. Mujur tidak terkena kipas siling yang baru aku kuatkan pusingannya tadi. Semakin hangat badanku terasa.

“Hah, Ani kau tengok ni. Kau pun boleh ambil satu. Aku bawa kain-kain hari ini.” Emak muncul di sebelahku dengan tiba-tiba. Emak mencapai kain yang dipegang Cik Nora.

“Engkau ni Nora, macam-macam yang kau nak jual kepada aku. Semalam kau bawa set pinggan mangkuk. Kelmarin lepas kualiti leper bentuk ikan tu. Ish... aku ini tidak berduit nak beli apa-apa lagi daripada kaulah, Nora,” keluh Emak sambil duduk di sebelah set televisyen. Emak tersandar pada dinding.

“Cik Nora, kenapa bawa ke sini? Bukalah kedai! Atau jual di bazar! Pasti ramai orang nak beli!” Bersahaja aku menyatakan usulan. Aku tidak menduga reaksi Cik Nora. “Aku dah banyak kali minta gerai tapi tak dapat. Lagipun buat apa aku nak buka kedai. Modal besar sangat. Cukuplah dengan jualan dari rumah ke rumah ini. Dapat makan juga!” Kata-kata Cik Nora seperti memberikan aku satu tamparan. Tetapi tamparan ini aku rasakan seperti satu cabaran. Cik Nora membuat aku terfikir-fikir tentang keadaan sebenar di luar sana. Fikiranku bagaikan sebuah komputer yang menyimpan banyak bahan video. Dimainkan semua tempat yang pernah aku lalui di Singapura ini. Gambaran lorong-lorong kedai dan bangunan-bangunan komersial yang banyak dilanggan orang ramai. Selain di Geylang, jumlah kedai kepunyaan orang kita boleh dikira dengan jari. Betul juga kata Cik Nora bahawa susah hendak buka kedai untuk orang sepertinya. Jarang sekali terdapat kedai-kedai kepunyaan orang-orang kita. Mentelah lagi kalau kedai serbaneka atau

pasar mega. Kita hanya menjadi pelanggan sepenuh masa. Sepenuh masa mengeluarkan duit belanja.

“Cik Nora, apa susah sangat nak bawa beg-beg besar Cik ni ke sana sini? Cik sebenarnya tak perlu kedai untuk berniaga! Cik Nora boleh berniaga dari rumah. Ambil pesanan terus pos.” Memang inilah yang aku hendak beritahu sejak dulu lagi. Puas juga hatiku apabila ayat itu tersembul keluar pada saat itu. Aku tersenyum lebar. Mataku seolah-olah menjadi kristal berkilauan sambil memandang renungan tajam Cik Nora. Apa yang bermain dalam fikiran Cik Nora tidak aku dapat pastikan. “Macam mana Cik Nora? Cadangan saya ni bagus tak?”

Emak terus menepuk bahu dan menyuruhku buat kerja aku sendiri. Tetapi sempat juga Emak bertanya sama ada aku ingin membeli kain yang aku pegang tadi. “Untuk menyokong Cik Nora, Idah beli satu. Tunai!” Terus aku masuk ke bilik. Aku meneruskan projek yang tergendala dek kedatangan Cik Nora. Namun, nama Cik Nora tidak terlepas daripada ingatan. Aku memikirkan bagaimana hendak menolong Cik Nora menjalankan perniagaannya. Cik Nora bersemangat waja. Setiap hari tanpa jemu, Cik Nora akan membawa apa sahaja barangan yang diperolehnya daripada pelbagai sumber untuk dijual kepada jiran dan rakan taulannya. Tidak kira panas atau hujan. Bergerak dari sebuah blok ke sebuah blok. Kadang-kadang, aku lihat Cik Nora menaiki bas dengan beg besarnya untuk ke kawasan perumahan lain. Kasihan aku melihatkan anak kecilnya yang dikendong ke hulu ke hilir.

Terdengar ketukan yang sama rentaknya. Kali ini lebih kuat. Suara yang aku kenali itu seolah-olah dalam keadaan kelam-kabut dan tidak mengikut melodi yang biasa. “Ish, Cik Nora ni. Apa pasal ketuk kuat sangat? Roboh pintu rumah saya nanti.” Aku mengerutkan dahi memandang Cik Nora. Pucat wajahnya. “Kenapa ni Cik Nora?” Aku bertanya lagi ketika Cik Nora melabuhkan punggungnya di sofa. “Kau tutup pintu rapat-rapat, cepat!” Terketar-ketar suara Cik Nora. Tangannya seperti biasa akan mencapai gelung sanggulnya dan membetulkannya. Kali ini nampak betul-betul dah terburai gelung sanggul Cik Nora. Aku ikutkan sahaja. Aku memandang wajah Cik Nora yang disirami peluh itu.

Aku tahu dia belum sedia untuk memberitahu apa-apa. Aku berikan segelas air. Aku duduk di kerusi makan yang berhampiran. Mata Cik Nora sekejap-sekejap mengerling ke arah pintu. Aku mula merasa ada yang tidak

kena. Aku bangun hendak mengintai apa yang ada di luar sana. “Jangan buka pintu itu, Idah!” Berderau darah aku. Kini aku sudah jadi sama-sama cemas seperti Cik Nora. Tetapi aku tidak tahu kenapa. “Cik Nora dah kenapa ini?” Baran juga aku dibuatnya.

Belum sempat aku mendapat jawapan, ketukan di pintu kedengaran. Kali ini bunyinya kuat. Satu ketukan oleh tangan yang besar dan kuat. Aku memandang wajah Cik Nora. Aku bertanya Cik Nora siapa yang berada di luar dengan hanya mencemik bibirku kepadanya. Cik Nora hanya memberi isyarat agar jangan dibuka pintu itu. Tangannya sekali lagi mencapai gelung sanggulnya seolah-olah sanggulnya itu amat penting baginya. Terburai sanggul itu, terburai jugalah semangat kental Cik Nora.

“Nora! Hei, Nora!” suara orang yang mengetuk pintu itu akhirnya kedengaran dan melegakan sedikit ketakutanku kerana aku kenal tuan punya suara itu. Aku membuka daun tingkap sedikit.

“Idah, buka pintu ini, Idah. Aku nak cakap dengan Nora. Aku tahu dia ada di sini!” Aku terketar-ketar menanyakan tujuan Pak Cik Borhan mencari Cik Nora di sini.

“Nora, kau nak kasi aku duit ke tidak? Aku nak duit, cepat!” Inilah puncanya. Aku sedar akan apa yang berlaku sekarang. Aku tahu siapa Pak Cik Borhan. Selain tidak bekerja, dia selalu duduk di kedai kopi bermain dam dan pakau. Kadangkala aku terlihat ada wang taruhan terpamer di atas meja ketika mereka bermain pakau atau dam. Ramai juga ahli ‘kelab’ ini yang sentiasa memenuhi meja-meja kedai kopi itu sepanjang masa. Aku selalu beristighfar panjang melihat kerenah mereka yang ramai sudah bergelar datuk. Jiwa muda mereka masih membara sentiasa. Aku dikejutkan dengan satu layangan segulung wang kertas melepasi daun tingkap yang terbuka itu. Tergolek dan hampir termasuk ke dalam lubang longkang kecil yang menyalurkan air hujan. Pak Cik Borhan mengutip gulungan wang kertas itu dan pergi dari situ secepat golekkan wang kertas itu. Aku menghela nafas panjang. Cik Nora menghela nafas panjang. Aku terdiam bisu. Cik Nora juga terdiam bisu. Dibetulkan lagi gelung sanggulnya yang digulung tanpa cucuk sanggul itu.

Kejadian tempoh hari memberikan aku semangat yang membara untuk membuktikan idea aku untuk menjadikan perniagaan Cik Nora lebih menarik.

Aku tidak henti melakukan pelbagai percubaan bagi memastikan program yang aku bina boleh berfungsi dengan baik. Setiap ciri laman web yang aku bina punya ciri e-niaga yang telus dan mudah dilungsuri pengunjung. Emak berasa pelik dengan perubahanku yang mendadak sejak kebelakangan ini. Aku tidak sering keluar rumah kecuali perlu. Lagipun sedang cuti panjang. Duduk melahu di tempat-tempat hiburan atau di pusat membeli-belah bukan caraku membunuh kebosanan. Aku jadikan Cik Nora sebagai penggerak misi peribadiku. Aku mahu Cik Nora menjadi idola ibu-ibu di luar sana yang masih berupaya untuk berdikari. Aku inginkan semua memandang kepada Cik Nora sebagai pencetus semangat. Semangat untuk menjadikan perniagaan kecil-kecilan sebagai sesuatu yang berkembang pesat. Berkembang sehingga menjadi satu perniagaan besar seperti syarikat-syarikat mega yang punya perniagaan tetapi tidak perlu menghasilkan produk. Syarikat Airbnb tidak mempunyai sebarang hotel tetapi menjadi penyedia hotel terbesar di dunia. Apple Store pula tidak perlu membina aplikasinya sendiri. Setiap hari ada sahaja aplikasi baharu dibina pihak lain dan dijual oleh syarikat ini. Syarikat Alibaba.com pula merupakan syarikat pengedar segala jenis produk tanpa perlu menghasilkan apa-apa barangan. Syarikat Uber yang tidak mempunyai sebarang teksi tetapi menjadi syarikat teksi yang terbesar di dunia. Syarikat-syarikat inilah yang dipanggil *network orchestrators* dan aku ingin menjadi seperti mereka.

Aku lihat cara niaga Cik Nora serupa dengan syarikat-syarikat besar ini. Punya perniagaan tetapi tidak punya pengeluaran apa-apa. Mindaku berputar ligat dan merencana apa yang perlu aku lakukan untuk menjadikan angan-angan kosongku satu kenyataan. Teringat Emak berkata kalau aku tidak buktikan apa yang aku angan-angankan, ia tetap akan menjadi angan-angan kosong. Sekadar membuang waktu, kata Emak.

Terpandang di sudut ruang tamu rumahku ada beberapa buah beg besar yang biasa dibawa Cik Nora. Banyak juga barang yang diletakkan di rumahku ini. Emak beritahuku bahawa Cik Nora akan mengambilnya untuk dijual nanti. Aku kagum dengan Cik Nora, namun, aku mahu dia mengubah cara perniagaannya. Aku mula mengeluarkan setiap barang yang disimpan dalam semua begnya itu. Aku catatkan setiap jenis barang dan siaplah satu set katalog barangan yang hendak dijual Cik Nora. Aku semakin teruja. Aku menunjukkan Emak hasil kerjaku. Penuh ghairah aku menerangkan kepada Emak cara bagaimana hendak melanggan daripada laman webku. Aku namakan laman web itu Gelung Sanggul Cik Nora. Maklumlah, Cik

Nora ini menjual semua jenis barangan termasuk barang-barang keperluan peribadi sehinggalah alat elektrik! Emak tersenyum geli hati melihat nama itu, namun, Emak tidak pula membantah. Emak menjadi orang pertama menjadi pelanggan cubaanku. Emak menasihati aku supaya menjadikan usahaku itu satu kenyataan. Emak menyuruhku cepat-cepat beritahu Cik Nora. Bertambah semangat aku apabila mendapat sokongan padu Emak. Aku bersiap-siap untuk pergi menjemput Cik Nora untuk melihat lelaman e-niagaku yang telah siap. Aku ingin Cik Nora menjadi usahawan berjaya. Aku ingin melihat Cik Nora menjadi seorang ibu yang mampu membiayai anak-anaknya yang sedang membesar itu. Aku ingin melihat anak-anak Cik Nora dapat disekolahkan dengan sempurna.

Aku melangkah tangga yang curam. Terus naik ke tingkat sembilan. Sudah lama terperuk di rumah dapat juga aku melakukan senam naik tangga. Tercungap-cungap juga dibuatnya. Aku tidak mengeluh, malah lebih pantas kakiku melangkah. Setibanya di tingkat sembilan, kakiku terhenti. Degupan jantungku sudah berbunyi lebih kuat daripada nafasku yang turun naik ini. Degupan jantungku bukanlah degupan kerana larian pantas tadi. Pandangan mataku melihat beberapa orang yang tidak kukenali sedang berdiri di luar rumah Cik Nora. Ada dua orang yang berpakaian seragam polis. Mereka tidak berlagak mencurigakan. Daripada gaya mereka, mereka sedang menjalankan sesuatu tugas penting. Aku tidak pasti apa yang dilakukan. Mereka merantai pintu pagar rumah Cik Nora. Salah seorang daripada mereka menampal sesuatu pada pintu. Langkahku semakin perlahan. Langkahku semakin berat. Pandanganku tertumpu kepada kertas putih yang melekat pada pintu itu. Aku berdiri kaku. Kumpulan pegawai penguat kuasa berlalu pergi. Aku sudah tidak kisahkan mereka. Mereka melintasiku bagaikan gerabak kereta api yang bergerak pantas di landasan. Terhuyung-hayang juga aku dibuatnya kerana mereka melepasi dengan jarak agak dekat. Mataku terus terlekat pada kertas putih itu. Terpampang dengan jelas pada surat putih itu: "CORRUPTION, DRUG TRAFFICKING AND CRIMES (CONFISCATION OF BENEFITS) ACT (CHAPTER 65A) (Original Enactment: Act 29 of 1992) REVISED EDITION 2000"

Hendak sahaja aku bertanya kepada pegawai-pegawai yang baru berlalu tadi. Hendak aku memekik sekuat-kuat hati. Hendak aku katakan mereka tidak berhak berbuat begini kepada Cik Nora. Aku tersandar pada tembok koridor. Aku hampir terjelompok ke lantai apabila tanganku dicapai seorang perempuan berbangsa Cina yang agak berumur. Tanpa ditanya, Auntie Soh

memberitahuku bahawa rumah Cik Nora telah dirampas oleh pihak berkuasa. Aku tidak puas hati dengan penjelasan Auntie Soh. Aku tidak percaya. Mana mungkin Cik Nora tidak membayar hutang pinjaman rumahnya. Aku tahu Cik Nora bermati-matian berniaga setiap hari kerana hendak melunaskan hutang pinjaman rumahnya. Tidak mungkin.

“Idah, bukan Cik Nora punya pasal! Itu Borhan punya pasal. Dia ada simpan banyak barang tak baik dalam rumah ini. Dia kasi itu budak-budak ganja simpan barang tak baik dalam rumah. Itu sebab CNB serbu. Sekarang siapa susah? Aiyah!” keluh Auntie Soh lalu meninggalkan aku keseorangan di situ.

Sehingga kini aku tidak tahu di mana kelibat Cik Nora. Cik Nora tidak lagi mengetuk pintu rumahku. Cik Nora tidak lagi membawa barang-barang jualan ke rumahku. Cik Nora tidak lagi membetulkan gelung sanggulnya. Kali terakhir Emak ada mengatakan bahawa Cik Nora telah berpesan agar barang-barangnya boleh dijual olehku. Dia serahkan semua bukti pembeliannya daripada pelbagai syarikat. Dia serahkan hak penjualan kepadaku. Aku hanya mampu terdiam. Emak tidak tahu ke mana perginya Cik Nora selepas bertemu Emak.

Semangat Cik Nora masih tetap kurasa. Kesukaran memulakan perniagaan secara dalam talian dapat aku atasi. Pahit-maungnya mengendali sebuah perniagaan aku tanggung sendiri dengan terus menambah ilmu di dada. Apa yang aku rencanakan sejak sekian lama kini berkembang pesat. Sambutan daripada pengunjung laman e-niagaku amat menggalakkan. Pembelian rancak diuruskan. Pelangganku mula tersebar ke seberang tambak dan ada peluang aku lanjutkan lebih luas lagi. Barangan yang aku niagakan tidak terhad kepada produk yang dijual Cik Nora dahulu. Aku sudah mempunyai pembekal-pembekal barangan dari Bangkok dan Beijing. Aku juga sudah menjadi seperti Google. Sudah jadi seperti Amazon dan Alibaba tanpa ada produk yang aku hasilkan. Meskipun tidak sehebat mereka, konsep perniagaanku hampir serupa. Tidak lama lagi aku akan menambah tenaga baharu dalam syarikat kecilku. Adikku telah mula menampakkan minat. Ada juga rakan-rakanku ingin menjadi rakan kongsi.

Aku bersyukur yang amat sangat atas perkembangan terbaharu ini. Aku bersujud kepada Maha Pencipta atas segalanya. Aku tidak lupa jasa Emak jua. Namun, hatiku masih belum lagi aman. Masih belum lagi merasa kepuasan.

Belum lagi berhenti mencari sesuatu. Aku masih mencari Cik Nora. Aku harus ucapkan terima kasihku kepada Cik Nora atas semua ini. Namun, Cik Nora yang kucari selama ini tiada pernah kutemu lagi. Cik Nora seolah-olah timbul dalam hidupku untuk menunjukkan jalan bagiku untuk maju ke hadapan. Benar, Cik Nora lah orangnya yang harus mengecap kejayaan ini. Gelung sanggul Cik Nora tidak akan dapat aku lupakan.

Cik Nora, aku tetap menunggumu.

Perbendaharaan Kata

- benyek - lembik
- gelung - kelok, ikal (rambut dan lain-lain)
- kendong - membawa barang dengan dibungkus dalam kain sarung (sapu tangan dan lain-lain)
- melahu - tidak membuat atau tidak mempunyai apa-apa pekerjaan yang bermanfaat, menganggur; tidak berbuat apa-apa
- melingas - memandang ke sana sini dengan pantas seolah-olah sedang
- mencari-cari - teguh, kukuh, kuat sesuatu kental
- mencemik - menyorongkan bibir bawah ke depan (seperti orang mengejek atau hendak menangis)
- mengirai - mengibas-ngibaskan dengan keras
- telus - mudah difahami atau diketahui (tiada hal yang tersembunyi, disangsikan dan sebagainya dengan masa yang terluang)
- terjelepok - jatuh terduduk, jatuh tersila
- tersembul - menganjur atau menonjol keluar

